



24 MAY, 2026

60 peserta sertai program poligraf

Metro Ahad, Malaysia



PESERTA diberikan penerangan lanjut mengenai penggunaan teknologi poligraf yang diadakan di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) SPRM di Kuala Lumpur.

60 peserta sertai program poligraf

Kuala Lumpur: Seramai 60 peserta wakil pelbagai agensi penguatkuasaan, badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pemain industri teknologi poligraf menyertai Seminar Poligraf Malaysia: Peranan Poligraf Dalam Saringan Pekerjaan anjuran Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), kelmarin.

Antara organisasi terbabit Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN),

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan XSpec Technology.

Ia bertujuan meningkatkan pemahaman peserta mengenai peranan dan potensi penggunaan teknologi poligraf sebagai instrumen sokongan dalam proses saringan pekerjaan, pengurusan integriti organisasi serta pengendalian siasatan yang melibatkan aspek keselamatan dan tadbir urus.

Timbalan Pengarah Akademik dan Latihan Asas, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia

(MACA) SPRM, Mohd Saud Ayutollah Abdul Manan berkata, penganjuran sebagai agenda penting memperkasa pengetahuan serta amalan terbaik dalam bidang poligraf di peringkat nasional.

“Perkongsian kepakaran dan pengalaman rentas agensi seperti ini diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan.

“Ia sekali gus memperkukuh kerjasama strategik antara agensi dalam usaha memerangi jenayah, salah laku serta isu berkaitan integriti”, katanya ketika merasmikan majlis penutup seminar itu.

Mohd Saud Ayutollah berkata, seminar ini di-

harapkan dapat diteruskan secara berkala dalam skala lebih besar melalui penganjuran program seperti penyelidikan, kolokium dan seminar ilmiah bagi memperkukuh pembangunan kepakaran serta potensi penggunaan poligraf di Malaysia.

Antara penceramah Asisten Superintendan (ASP) Ahmad Shahrulazmi Mazni dari Cawangan Khas PDRM; ASP Mohamad Firdaus Ashaari dari Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) PDRM; Penyelaras Pasukan Poligraf SPRM, Norhakimin Brahim dan Dr Salwa Zolkaful dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).